



Zahari dan Timbalan Pengarah Penguatkuasaan KPDNHEP, Suhaimi Mat Sari pada sesi bersama kakitangan PERODUA di Kuala Lumpur, semalam.

PERODUA, KPDNHEP kekang alat ganti tiruan

Syarikat Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan inisiatif untuk mengekang pertumbuhan produk tiruan dan alat ganti dalam pasaran.

Pengarah Urusan Perodua Sales Sdn Bhd, Datuk Zahari Husin, berkata syarikat itu me-

nyedari produk dan alat ganti tiruan menggunakan jenama PERODUA di pasaran, sebahagiannya hampir tidak boleh dibezakan daripada yang tulen.

ia termasuk minyak pelincir, penapis minyak, penyerap kejut dan pad brek, katanya dalam kenyataannya, semalam.

"Ini sangat membimbangkan kerana ia barangan kritikal. Pe-

langgan boleh terpedaya untuk membeli dan menggunakan barangan berkenaan, yang belum diuji oleh PERODUA dalam kenferaan mereka.

"Selain waranti tidak jelas, ia boleh mengancam keselamatan dan keadaan kenderaan mereka," katanya.

PERODUA bersama pengedar dan stokis terpilih memberi tak-

limat kepada 120 pegawai penguat kuasa KPDNHEP mengenai pelbagai produk dan alat ganti PERODUA, lokasi jualan, aliran logistik dan kaedah membezakan barangan tulen dan palsu.

Zahari menggesa orang ramai supaya tidak tertipu oleh peniaga tidak bertanggungjawab menjual barangan tiruan PERODUA, hanya membeli dan

menggunakan produk serta alat ganti tulen daripada stokis PERODUA yang sah atau daripada mana-mana pusat perkhidmatan PERODUA sah di seluruh negara.

"Sebagai alternatif, kami mempunyai pelbagai alat ganti ProGanti lebih ekonomikal, telah diuji dan diluluskan PERODUA," katanya. BERNAMA